



(64)dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld 5

4 Ogos 2010

Semua Pengarah Bahagian,
Semua Pengarah JPS Negeri,
Semua Jurutera Projek

Y. Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

Surat Arahan KP JPS

Perkara: Penjelasan dan Tambahan kepada Pelaksanaan *Integrity Pact* dalam Perolehan Kerajaan

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Surat Arahan KP JPS ruj. (56) dlm. Siri yang sama bertarikh 20 Mei 2010 adalah berkaitan.

2. Berdasarkan kepada maklumbalas yang diterima, penjelasan tambahan mengenai Arahan Perbendaharaan tentang pelaksanaan *Integrity Pact* dalam perolehan Kerajaan adalah diperlukan supaya tidak berlaku ketinggalan elemen *Integrity Pact* ini di dalam urusan tender dan sebutharga yang dilaksanakan oleh Jabatan.

3. Penjelasan tambahan adalah seperti berikut:-

i) Semasa Penyediaan Dokumen Tender/Sebutharga

Bagi tujuan memaklumkan kepada petender/penyebutharga tentang syarat ini, peruntukan seperti di **Lampiran A** hendaklah dimasukkan ke dalam Arahan Kepada Petender/Penyebut Harga semasa penyediaan dokumen tender/sebutharga. Syarat ini adalah tambahan kepada peruntukan "Peringatan Mengenai Kesalahan Rasuah" serta Addendum No. 1 kepada Syarat-Syarat Kontrak yang perlu dimasukkan mengikut Surat Arahan KP JPS bertarikh 20 Mei 2010.

ii) Semasa Mengemukakan Dokumen Tender/Sebutharga

Kesemua petender/penyebutharga wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida** seperti **Lampiran B** beserta dengan Dokumen Tender/Sebutharga di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat.

iii) Semasa Penilaian Tender/Sebutharga

Surat Akuan Pembida ini adalah menjadi salah satu **dokumen wajib** dalam penilaian tender/sebutharga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan surat akuan tersebut yang telah ditandatangani oleh pegawai syarikat yang bertauliah, pembida tersebut hendaklah dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama dan penilaian seterusnya tidak perlu dilaksanakan terhadap pembida tersebut.

iv) Semasa Mengeluarkan Surat Setujuterima Tender/Inden Kerja

Bagi melaksanakan Arahan Perbendaharaan ini juga, pihak Jabatan Kerja Raya telah mengeluarkan pindaan kepada **Surat Setujuterima Tender** dan **Borang Inden Kerja**. Surat Setujuterima Tender yang perlu digunakan bagi kontrak berdasarkan PWD Form 203/203A (Rev. 2007) adalah seperti di **Lampiran C**. Surat Setujuterima Tender bagi kontrak berdasarkan PWD Form DB (Rev. 2007) pula adalah seperti di **Lampiran D**. Bagi kerja yang diperolehi secara Sebutharga, Borang Inden JKR 58-Pin.4/2010 seperti di **Lampiran E** hendaklah digunakan.

v) Semasa Mengembalikan Surat Setujuterima Tender/Inden Kerja

Kontraktor yang berjaya wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida Berjaya** seperti di **Lampiran F** beserta dengan Surat Setujuterima/Borang Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat.


vi) Semasa Penyediaan dan Menandatangani Dokumen Kontrak

Surat Akuan Pembida Berjaya ini hendaklah dijadikan sebahagian daripada Dokumen Kontrak/ Borang Perjanjian Inden Kerja.

4. Surat penjelasan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Surat Arahan KP JPS ruj. (56) dlm. PPS 10/4/2 BUB Jld 5 bertarikh 20 Mei 2010 dan berkuatkuasa ke atas semua perolehan yang sedang atau akan dipanggil. Bagi perolehan Bekalan dan Perkhidmatan, pindaan yang bersesuaian hendaklah dibuat pada borang-borang yang berkaitan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"


2 (DATO' IR HJ AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran
Malaysia.

- s.k.
- Timbalan Ketua Pengarah I (Sektor Bisnes) JPS Malaysia
 - Timbalan Ketua Pengarah II(Sektor Pakar) JPS Malaysia
 - Pengarah Kanan (Sektor Pengurusan) JPS Malaysia
 - Pengarah Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak
 - Juruukur Bahan Ibu Pejabat

d:/rba/suratedaran/penerangan int pact